

MESYUARAT MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN ke-54 (AMM ke-54) DAN MESYUARAT BERKAITAN, ...

Print

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Luar Negeri Malaysia mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-54 (AMM ke-54) dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan pada 2-7 Ogos 2021, melalui sidang video.

Sepanjang tempoh enam hari tersebut, YB Menteri Kanan Luar Negeri telah menghadiri AMM ke-54, Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN (AMM) dengan Suruhanjaya Antara Kerajaan untuk Hak Asasi Manusia (AICHR), Suruhanjaya Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ), Mesyuarat Majlis Komuniti Keamanan Politik ASEAN ke-23 (APSC ke-23), Mesyuarat Majlis Penyelarasan ASEAN ke-29 (ACC ke-29), Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN Campur Tiga ke-22 (APT ke-22), Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri Asia Timur ke-11 (EAS ke-11) dan Forum Serantau ASEAN ke-28 (ARF ke-28). Beliau turut mengambil bahagian dalam Mesyuarat-mesyuarat Pasca Persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri (PMC) ASEAN secara berasingan dengan setiap Rakan Dialog, iaitu Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, New Zealand, Republik Korea, Rusia dan Amerika Syarikat.

AMM ke-54

Pada Mesyuarat AMM ke-54, Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN telah membincangkan keputusan lanjut yang telah diambil oleh Pemimpin-pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 pada bulan November 2020, termasuk pelaksanaan ASEAN Comprehensive Recovery Framework (ACRF) untuk mengurangkan kesan-kesan pandemik COVID-19 terhadap sosio-ekonomi serantau. YB Menteri Kanan Luar Negeri telah meluahkan harapan supaya pelaksanaan ASEAN Travel Corridor Arrangement Framework (ATCAF) dapat memudahkan perjalanan perniagaan penting di rantau ini dengan tujuan untuk mengaktifkan semula aktiviti-aktiviti perniagaan. YB Menteri Kanan Luar Negeri juga menekankan keperluan untuk saling mengiktiraf jenis vaksin yang digunakan untuk memudahkan perjalanan di antara negara ketika sempadan dibuka semula.

Ketika Menteri-Menteri Luar Negeri berbincang mengenai tindakan susulan kepada Mesyuarat Pemimpin-pemimpin ASEAN (ALM) yang diadakan pada bulan April 2021, Menteri Kanan Luar Negeri menegaskan kepentingan pelaksanaan Five-Point Consensus (5PC) dengan segera; pelantikan Utusan Khas Pengerusi ASEAN; dan untuk membenarkan Utusan Khas bekerjasama dengan Setiausaha Agung ASEAN mengenai penghantaran bantuan kemanusiaan kepada Myanmar, melalui pusat ASEAN Humanitarian Assistance (AHA). Malaysia juga meminta Myanmar untuk memastikan Utusan Khas diberi akses penuh dan tanpa halangan untuk berjumpa dengan semua pihak yang berkepentingan.

AICHR

Ketika Mesyuarat AICHR, Mesyuarat memuji usaha berterusan AICHR dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dengan mengadakan program keutamaan AICHR secara persidangan video, tatkala rantau dilanda pandemik COVID-19. Malaysia menggesa AICHR untuk mengukuhkan mandat perlindungan dan memperluaskan keutamaannya untuk merangkumi topik dan kumpulan sasaran baru.

SEANWFZ

Pada Mesyuarat SEANWFZ, Malaysia terus menggesa pelucutan dan ketakcambahan senjata nuklear sepenuhnya, sejajar dengan Deklarasi 1971 mengenai Zon Keamanan, Kebebasan dan Berkecuali (ZOPFAN). Malaysia menegaskan akibat buruk dan impak kemanusiaan dashyat yang boleh disebabkan oleh penggunaan senjata nuklear. Malaysia menyeru agar ASEAN mencapai kata sepakat mengenai reservasi Negara-negara Kuasa Nuklear (NWS) ke atas Protokol Triti SEANWFZ. Malaysia juga menyeru NWS untuk menandatangani dan meratifikasi Protokol tersebut secepat mungkin.

APSC KE-23

Semasa APSC ke-23, Malaysia telah membangkitkan mengenai isu-isu berkaitan pelaksanaan efektif APSC Blueprint 2025 dan mencadangkan supaya ASEAN melibatkan Rakan-rakan Dialog ASEAN untuk memberikan bantuan pembangunan kapasiti kepada Timor Leste. Mesyuarat juga telah membincangkan mengenai usaha kolektif ASEAN dalam mengurangkan kesankesan COVID-19.

ACC KE-29

Pada Mesyuarat ACC ke-29, YB Menteri Kanan Luar Negeri menekankan kepentingan memanfaatkan peluang dari Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) melalui transformasi digital untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kesalinghubungan serta mempromosikan pembangunan ekonomi yang inklusif dan seimbang. ASEAN juga menyokong pengukuhan ASEAN Cross-Pillar dan Cross-Sectoral Coordination to Enhance Emergency and Disaster Preparedness and Response through ASEAN SHIELD dan menekankan kepentingan ATCAF yang telah diperakukan untuk memudahcara perjalanan perniagaan penting dalam ASEAN untuk meningkatkan pemulihan sosio-ekonomi rantau ini.

APT ke-22

Mesyuarat APT ke-22 yang telah diadakan pada 3 Ogos 2021 telah mengambil maklum tindakan kolektif ASEAN terhadap wabak COVID-19, dan menyambut baik komitmen negara-negara ASEAN Campur Tiga (Republik Korea, Republik Rakyat China dan Jepun) untuk membantu ASEAN dalam usaha mengurangkan wabak COVID-19 dengan menyokong pelaksanaan ACRF serta dengan menyumbang kepada COVID-19 ASEAN Response Fund. YB Menteri Kanan Luar Negeri menyeru Mesyuarat untuk turut memberikan perhatian kepada kesejahteraan individu, khususnya, kesihatan mental. Dalam hal lain, Mesyuarat menekankan perlunya kerjasama yang berterusan mengenai pengedaran dan akses kepada vaksin sebagai satu daripada langkah-langkah penting untuk memerangi COVID-19.

EAS ke-11

Semasa EAS ke-11 yang telah diadakan pada 4 Ogos 2021, Malaysia menggariskan sokongannya terhadap kerjasama kesihatan mental, serta menegaskan komitmen ASEAN untuk memperkuat multilateralisme di antara Negara-Negara Peserta EAS, dan menekankan kepentingan kerjasama di antara negara-negara tersebut dalam meningkatkan akses kepada vaksin. Mesyuarat itu juga membincangkan perkembangan di Laut China Selatan dan di Myanmar. Malaysia turut membangkitkan isu Palestin, termasuk mengulangi seruannya supaya semua tindakan zalim terhadap rakyat Palestin yang melanggar undang-undang antarabangsa dihentikan, dan menekankan pentingnya masyarakat antarabangsa mengutamakan bantuan kemanusiaan dan pembinaan semula Gaza.

ARF ke-28

Pada Forum Serantau ASEAN ke-28 (ARF ke-28) yang diadakan pada 6 Ogos 2021, YB Menteri Kanan Luar Negeri memohon kerjasama yang lebih erat di antara Negara-Negara Peserta ARF, melalui perkongsian data, amalan terbaik, dan kemajuan teknologi, di dalam usaha untuk mencapai imuniti kelompok, serta memastikan akses vaksin selamat, berkesan, dengan harga yang berpatutan, yang saksama.

Malaysia menyeru Mesyuarat untuk meningkatkan kerjasama untuk membasmi propaganda pengganas terutamanya di ruang siber, dan memaklumkan Mesyuarat mengenai rancangan Malaysia untuk mengadakan seminar atas talian mengenai The Role of Youth in Building Digital Resilience to prevent and Counter Terrorism and Violent Extremism Conducive to Terrorism (VECT), bersama dengan Australia dan New Zealand. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada sokongan Malaysia ke atas bidang keutamaan Brunei Darussalam di dalam Agenda Youth, Peace and Security (YPS).

Malaysia juga telah menegaskan bahawa ia tetap teguh dengan pendiriannya yang bersolidariti dengan rakyat Palestin dan menyokong usaha-usaha yang konkrit dan jujur untuk mencari penyelesaian yang adil dan berkeadilan terhadap konflik Israel-Palestin, berdasarkan undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB yang relevan.

Mesyuarat - mesyuarat Pasca Persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri (PMC) ASEAN

Semasa Sesi PMC+1 dengan setiap Rakan Dialog ASEAN yang telah diadakan pada 3-6 Ogos 2021, setiap mesyuarat telah membincangkan kemajuan yang dicapai dalam kerjasama di bawah setiap Pelan Tindakan di antara ASEAN dan Rakan-Rakan Dialog masing-masing. Secara keseluruhannya, kesemua mesyuarat telah bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian umum, seperti tanggapan rantau ini terhadap pandemik COVID-19, kerjasama vaksin dan multilateralisme, ekonomi digital, situasi di Laut China Selatan, Semenanjung Korea dan perkembangan di Myanmar, usaha anti-keganasan serantau dan ekstremisme, perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar, kesediaan pengurusan bencana, keselamatan maritim serta isu keselamatan bukan tradisional lain termasuk keselamatan siber.

Semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-Australia pada 4 Ogos 2021, YB Menteri Kanan Luar Negeri, di dalam kapasiti Malaysia sebagai Negara Penyelaras, telah menjadi Pengerusi Bersama dengan rakan sejawatnya dari Australia, Senator Marise Payne. YB Menteri Kanan Luar Negeri telah menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN mengenai pelbagai kerjasama antara ASEAN dan Australia, hala tuju ke depan, termasuk pengajuran Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin ASEAN-Australia pertama pada Oktober 2021. Pada akhir Mesyuarat, Malaysia menyerahkan peranan Negara Penyelaras hubungan dialog ASEAN-Australia kepada Laos, sejak menggalas peranan tersebut selama tiga tahun.

Selain daripada itu, Malaysia telah mengambil alih peranan negara penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-Kanada untuk tiga tahun yang akan datang (2021- 2024), dari Myanmar.

Berikutan keputusan Mesyuarat AMM ke-54, United Kingdom telah diberikan status sebagai Rakan Dialog ASEAN, melalui majlis yang telah diadakan secara persidangan video pada 5 Ogos 2021.

Joint Communique

Pada akhir Mesyuarat AMM ke-54 dan Mesyuarat Berkaitan, Menteri – Menteri Luar Negeri memperakukan dokumen Joint Communique (JC), yang menyoroti hasil perbincangan serta keputusan strategik dan penting yang dibuat semasa mesyuarat, termasuk pelantikan Dato Erywan Pehin Yusof, Menteri Luar Negeri II, Brunei Darussalam sebagai Utusan Khas Pengerusi ASEAN. Peranan Utusan Khas di antara lain adalah untuk membina kepercayaan dan keyakinan dengan akses penuh kepada semua pihak yang berkepentingan, serta untuk menyegerakan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Myanmar yang memerlukannya, melalui pusat AHA.

Secara keseluruhan, Mesyuarat AMM ke-54 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan memperlihatkan keutamaan ASEAN dalam memfokuskan usaha kolaborasi yang berpusatkan rakyat pada masa yang mencabar ini, sejajar dengan tema Kepimpinan 2021 "We Care, We Prepare, We Prosper".

PUTRAJAYA

9 OGOS 2021